

RM595j lagi untuk projek luar bandar

BH 21/6/08 m/s 1-2

Oleh Wan Hazmir Bakar

PUTRAJAYA: Kerajaan semalam meluluskan peruntukan tambahan RM595 juta untuk projek kemudahan asas di luar bandar dan pedalaman seluruh negara bagi memastikan ia dapat disiapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan terpaksa memberikan peruntukan tambahan itu berikutan kenaikan kos projek berkenaan yang penting untuk masyarakat luar bandar, iaitu jalan kampung, jalan luar bandar, bekalan air serta elektrik.

Katanya, ia adalah sebahagian daripada peruntukan yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, baru-baru ini

iaitu masing-masing RM1 bilion bagi Sabah dan Sarawak serta RM2 bilion bagi Semenanjung.

Katanya, kelulusan untuk peruntukan tambahan bagi projek lain yang memerlukan akan dibuat dalam masa beberapa hari lagi apabila Jawatankuasa Pelaburan dan Kemudahan Infrastruktur menerima permohonan.

“Keputusan itu untuk memastikan

semua projek RMK-9 yang menuntut peruntukan tambahan kerana peningkatan kos dapat disempurnakan,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa itu di sini, semalam.

Najib berkata, satu pemetaan lengkap berhubung keperluan kemudahan asas semua kawasan luar bandar

LIHAT MUKA 2